

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MANSOR BIN OTHMAN
[NIBONG TEBAL]**

TARIKH : 16 MAC 2015 (ISNIN)

DATO' MANSOR BIN OTHMAN [NIBONG TEBAL] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan keberkesanan ataupun ukuran kejayaan pelaksanaan Program Kawalan Harga Musim Perayaan di sepanjang tahun 2014 dan di awal tahun 2015.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebagai Kerajaan yang prihatin dan serius dalam menangani kos sara hidup dan kenaikan harga barangan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sentiasa mengambil usaha dan langkah untuk menstabilkan harga dan bekalan barangan keperluan terutamanya bagi menghadapi musim perayaan. Usaha dan langkah ini dilaksanakan melalui kawalan harga secara perundangan iaitu Skim Kawalan Harga Musim Perayaan (SKHMP) untuk menyekat kenaikan harga barangan yang tidak munasabah kerana permintaan yang tinggi dan memastikan bekalan barangan yang terlibat sentiasa mencukupi di pasaran.

Penentuan harga maksimum dibuat di peringkat pengeluaran, pemborongan dan peruncitan mengikut kewajaran dan kesesuaian bagi penguatkuasaan kawalan harga untuk memastikan harga barangan keperluan adalah berpatutan. Skim Kawalan Harga Musim Perayaan mewajibkan peniaga menjual barangan harga terkawal tidak melebihi harga maksimum yang ditentukan oleh Kerajaan, meletakkan tanda harga khas berwarna merah jambu bagi barangan harga terkawal, meletakkan tanda harga bagi barangan jualan dan menggunakan alat timbang dan sukat yang ditentusahkan sepanjang tempoh ianya berkuat kuasa.

Tuan Yang Di-Pertua,

Pada tahun 2014, pihak Kementerian telah melaksanakan skim ini semasa perayaan utama iaitu Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina, Deepavali, Krismas, Pesta Kaamatan dan Hari Gawai manakala bagi

tahun 2015, pelaksanaan skim ini telah dilaksanakan semasa perayaan Tahun Baru Cina yang lepas. Sepanjang pelaksanaan skim ini pada tahun 2014 dan 2015, kesemua barangan harga terkawal telah berjaya dikawal harganya dan kebanyakan peniaga menjual barangan harga terkawal tidak melebihi harga maksimum yang ditentukan oleh Kerajaan.

Hasil pemeriksaan premis sepanjang tempoh skim ini berkuat kuasa pada tahun 2014 yang berjumlah 264,764 premis dan pada tahun 2015 yang berjumlah 88,425 premis, hanya 11 peniaga pada tahun 2014 dan 6 peniaga pada tahun 2015 dikesan kerana menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum dan kesemuanya telah diambil tindakan undang-undang di atas kesalahan menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum yang telah ditentukan oleh Kerajaan. Tindakan undang-undang ini melibatkan nilai rampasan berjumlah RM4,423.65 dan kompaun sebanyak RM4,600.00 dikenakan. Barangan harga terkawal yang terlibat dalam kesemua tindakan undang-undang ini adalah ayam standard, telur ayam gred B, telur ayam gred C, daging lembu tempatan, tomato, bawang merah kecil (India), bawang putih (China) dan kacang dal (Australia). Perkara ini berlaku akibat tindakan segelintir peniaga yang ingin memaksimumkan keuntungan barangan perniagaannya.

Tuan Yang Di-Pertua,

Hasil pemantauan dan pemeriksaan oleh pegawai penguat kuasa dan pegawai pemantau harga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan mendapati sesetengah barangan harga terkawal turut dijual pada harga yang lebih rendah daripada harga maksimum borong dan runcit yang telah ditentukan. Situasi ini berlaku kerana persaingan yang sihat antara peniaga selain faktor penawaran

dan permintaan yang seimbang di pasaran. Peranan pasaraya besar dan pasar tani Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang menawarkan harga jualan runcit yang lebih murah untuk menarik pelanggan juga memberi kesan yang baik dan berfaedah kepada pengguna. Penentuan harga maksimum yang bersesuaian dengan paras harga pasaran semasa telah membantu pelaksanaan serta keberkesanan pelaksanaan skim ini.

Selain itu juga, sepanjang pelaksanaan skim pada tahun 2014 dan awal 2015 tiada masalah bekalan barangan harga terkawal yang terlibat bagi setiap perayaan berlaku dan diadukan oleh pengguna. Kesemua barangan ini mencukupi dan mudah diperolehi di pasaran walaupun permintaannya cukup tinggi pada masa tersebut.